

LENSA USAHAWAN



Edisi 3/2017 | PERCUMA

www.risda.gov.my

INFO USAHAWAN BIMBINGAN RISDA

FOKUS : RISSMART



MENJANA USAHAWAN GLOBAL

Jejak
Usahawan
Jaya



Dari Meja Ketua Pengarang

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera,

Alhamdulillah bersyukur ke hadirat Allah SWT kerana diberi peluang sekali lagi untuk bertemu diruangan ini. Terlebih dahulu saya merakamkan terima kasih kepada sidang Buletin 'Lensa Usahawan' dan semua warga RISDA yang sama-sama berusaha merealisasikan penerbitan buletin yang memberi manfaat kepada usahawan pekebun kecil di seluruh Malaysia.

Edisi kali ini mengkhususkan mengenai RISDA Smallholders Mart atau lebih dikenali sebagai RisSMart. Sebagaimana semua sedia maklum, pengujudan RisSMart bertujuan menyediakan kemudahan premis perniagaan di lokasi strategik, sesuai dengan trend dan keperluan semasa bagi mempromosikan produk usahawan dan seterusnya meningkatkan pendapatan usahawan bimbingan usahawan RISDA.

Sehingga kini, RISDA telah berjaya mewujudkan sebanyak 15 buah RisSMart di setiap negeri kecuali di Sarawak. Manakala sebanyak 9 buah RisSMart Mobile telah berjaya dilahirkan iaitu 4 buah di Negeri Perlis, 2 buah di Negeri Pulau Pinang, 1 di Negeri Selangor dan 1 di Negeri Pahang.

Tahniah diucapkan kepada semua usahawan yang telah berjaya meningkatkan pendapatan keluarga dengan meyertai RisSMart dan RisSMart Mobile. Semoga terus berjaya sehingga ke tahap global, In syaa Allah.

Hajah Halimah Bt Abd Kadir
Pengaruh Bahagian Pembangunan Usahawan

EDITORIAL

- Penaung : Dato' Wan Ahmad Shabri Zainuddin bin Wan Mohamad
- Penasihat : Dato' Nasarudin Bin Malek
- Ketua Pengarang : Hjh. Halimah binti Abd. Kadir
- Editor : Pn. Nor Elina binti Datuk Kamaruddin
- Sidang Pengarang : Pn. Jarinah binti Maarof
En. Mohammad Firdaus bin Zulkufi
Mohd Azman bin Hasan
En. Saiful Asyraffi bin Suhaimi
Pn. Nurulsyuhada binti Ahmad
- Jurufoto : Abd. Malek bin Kassim
Nurulsyuhada binti Ahmad

Kami mengalu-alukan sumbangan karya berbentuk penulisan kreatif, foto selain rencana mengenai aktiviti dan peristiwa berkaitan usahawan untuk dimuatkan di dalam Buletin ini yang akan diterbitkan secara dwi setahun.

ISI KANDUNGAN

DARI MEJA KETUA PENGARANG	2
RISSMART GADING GALOH, KELANTAN	3
RISSMART UCAM, MELAKA	4-5
RISSMART KERATONG, JOHOR	6
RISSMART BORONG RTC SG RAMBAI MELAKA.....	7
RISSMART NEGERI PERLIS	8-9
RISSMART MOBILE	10-11
RISSMART PULAU PINANG	12
RISSMART BORONG SIMPANG RENGAM, JOHOR	13
RISSMART NEGERI PERAK; TERMINAL PRODUK USAHAWAN BIMBINGAN RISDA NEGERI PERAK	14-15
RISSMART UBC, JOHOR	16-17
RISSMART NEGERI TERENGGANU	18-19



RISSMART GADING GALOH, KELANTAN



DISEDIAKAN OLEH:
MOHAMMAD FIRDAUS BIN ZULKUFLI DAN NOR ELINA BT DATUK KAMARUDDIN,
BAHAGIAN PEMBANGUNAN USAHAWAN

RisSMart Gading Galoh, Kelantan adalah RisSMart yang terawal ditubuhkan iaitu pada tahun 2013 dan selama 5 tahun beroperasi, pelbagai perubahan sama ada kepada premis dan usahawan telah dilakukan. Premis yang terletak di Lot PT 207 Mukim Gading Galoh Daerah Machang, Kelantan menempatkan 4 lot kedai yang terdiri daripada usahawan jahitan, perkhidmatan gunting rambut, andaman dan pelamin pengantin, makanan ringan serta kek, biskut dan pastri.

Bagi tujuan promosi produk RisSMart, satu papan tanda/billboard diletakkan di kawasan strategik untuk menarik pengunjung yang lalu di jalan raya antara Kota Bharu dan Gua Musang

singgah ke premis RisSMart. Warna yang terang iaitu merah dan kuning juga menarik pengunjung untuk singgah sebentar dan rehat sebelum meneruskan perjalanan ke destinasi.

Pada musim perayaan pula, jalan raya antara Kota Bharu dan Gua Musang adalah antara jalan raya yang paling sibuk dan lokasi RisSMart di tepi jalan amat strategik bagi pengguna jalan raya untuk berehat dan mengisi perut selain melepaskan hajat ataupun membeli belah.

Selain 4 lot kedai tersebut, pada tahun 2017, Pengurusan RISDA meluluskan pembinaan 4 unit gerai bergerak atau lebih dikenali sebagai kiosk RisSMart yang terletak di hadapan premis bangunan RisSMart yang menjual makanan, suratkhbar, cenderunghati dan buah-buahan untuk menarik lebih ramai lagi pengunjung untuk datang.

Diharapkan dengan usaha promosi yang dilaksanakan, RisSMart Gading Galoh Kelantan akan terus maju dan berkembang menjadi satu tempat mempromosikan produk usahawan RISDA yang bukan sahaja terkenal di kalangan masyarakat setempat tetapi menjadi buah mulut anak Kelantan yang tinggal di luar Kelantan yang boleh dibanggakan.



RISSMART UCAM, MELAKA

DISEDIAKAN OLEH: MOHAMMAD FIRDAUS BIN ZULKUFLI, BAHAGIAN PEMBANGUNAN USAHAWAN

Pusat Jualan Usahawan RISDA atau RisSMart diwujudkan bagi menyediakan kemudahan premis perniagaan di lokasi-lokasi strategik yang bersesuaian dengan keperluan semasa bagi mempromosikan produk Usahawan Bimbingan RISDA. RisSMart UCAM ditubuhkan pada tahun 2015 dan mula beroperasi pada 15 Februari 2016 di dalam kawasan kampus Kolej Universiti Agrosains Malaysia (UCAM) yang telah dirasmikan oleh Pengerusi RISDA.



Pelaksanaan program ini telah disahut oleh Puan Mahani binti Md Ali yang telah dilantik sebagai usahawan tunjang bersama rakan-rakan usahawan payung lain yang menawarkan pemasaran produk-produk makanan, minuman serta kraf daun getah dari seluruh Negeri Melaka. Selain itu, RisSMart UCAM juga menawarkan perkhidmatan salon dan gunting rambut yang diterajui oleh usahawan Puan Mazanah binti Baba telah berjaya mendapat sambutan di kalangan pelajar-pelajar UCAM. Tawaran harga yang rendah juga telah menarik minat ramai pelajar untuk mewar-warkan kepada rakan-rakan lain untuk mengunjungi kedai beliau.

Namun disebalik kemeriahan tersebut, RisSMart UCAM akan mula menyepi tatkala cuti semester menjangah kerana pelajar-pelajar pulang ke kampung halaman. Pada masa ini, usahawan-usahawan akan mula mengatur langkah untuk mempromosi produk mereka di luar kawasan UCAM dan memenuhi keperluan penduduk sekitarnya pula. Usahawan juga sering terlibat dengan aktiviti-aktiviti jualan di karnival, ekspo dan sebagainya bagi kelangsungan jualan produk di samping mempromosi prduk dan khidmat yang ditawarkan RisSMart UCAM.



RISSMART KERATONG JOHOR

DISEDIAKAN OLEH: SAIFUL ASYRAFFI BIN SUHAIMI DAN NOR ELINA BT DATUK KAMARUDDIN
BAHAGIAN PEMBANGUNAN USAHAWAN

Terletak di Kompleks Hentian Rehat RISDA Ulu Keratong di Lebuhraya Segamat-Kuantan, 2 unit premis RisSMart tersebut khususnya Kompleks Hentian Rehat RISDA Ulu Keratong banyak dikunjungi oleh pemandu lori atau pemandu yang ingin mengambil jalan singkat daripada Kuantan ataupun Segamat.

Bagi tujuan pengoperasian premis RisSMart ini, usahawan daripada Daerah Muar dan Segamat dipilih dan produk yang boleh didapati di premis RisSMart tersebut adalah pelbagai jenis kerepek dan kuih muih, makanan ringan, makanan sejuk beku, roti dan minuman.

Hentian Rehat Keratong yang amat bersesuaian dengan misi utama saya dalam Transformasi Luar Bandar yang bukan sahaja untuk kemudahan kepada pengguna Lebuh Raya Muadzam tetapi ianya juga membuka peluang pekerjaan kepada penduduk setempat.



RISSMART BORONG RTC SG RAMBAI, MELAKA

DISEDIAKAN OLEH: MOHAMMAD FIRDAUS BIN ZULKUFLI DAN NOR
ELINA BT DATUK KAMARUDDIN, BAHAGIAN PEMBANGUNAN USAHAWAN

Pusat Transformasi Luar Bandar (RTC) Melaka yang terletak di Sungai Rambai, Jasin, Melaka menyediakan pelbagai perkhidmatan kerajaan, swasta dan aktiviti perniagaan untuk kemudahan orang ramai berurusan. Di samping itu, fasiliti yang disediakan juga adalah bersesuaian bagi kemudahan seisi keluarga berkunjung ke RTC Melaka.

Pelawaan ruang di RTC Sg Rambai kepada RISDA oleh Exco Pertanian dan Pembangunan Usahawan Kerajaan Negeri Melaka menjadi titik mula bagaimana wujudnya premis RisSMart di RTC Sg Rambai. Pengwujudan RisSMart di lokasi yang strategik sesuai dengan trend dan keperluan semasa bagi mempromosikan produk usahawan RISDA dengan jangkaan impak iaitu pendapatan pekebun kecil dapat ditingkatkan kepada RM4,000.00 sebulan sekeluarga menjelang tahun 2020.

Koperasi Pekebun Getah Negeri Melaka Berhad telah dilantik sebagai agen mengurus yang mengurus perihal pentadbiran RisSMart daripada segi rekod stok produk dan urusan perniagaan, pembayaran produk kepada usahawan, kebersihan dan penyelenggaraan premis dan yang paling penting ialah membuka RisSMart pada waktu yang telah ditetapkan. Setakat terkini, seramai 9 orang usahawan diberi peluang untuk menyertai RisSMart ini dengan produk seperti pelbagai perisa dodol, biskut lemak, rempeyek, minuman, produk sejuk beku dan banyak lagi dengan jualan secara borong dan runcit.





RISSMART NEGERI PERLIS

DISEDIAKAN OLEH: SAIFUL ASYRAFFI BIN SUHAIMI, BAHAGIAN PEMBANGUNAN USAHAWAN
DIEDIT OLEH: NURULSYUHADA BINTI AHMAD, BAHAGIAN PEMBANGUNAN USAHAWAN

Penubuhan RISSmart Perlis di Padang Besar sangat memberi impak yang besar dan manfaatnya kepada masyarakat sekitar khususnya usahawan Pekebun Kecil yang bernaung di bawah RISDA Perlis. Kedudukan RISSmart yang strategik dan bertempat di Commercial Complex, Uniciti Alam, Mukim Titi Tinggi, Sungai Chuchuh dilihat dapat memberi kemudahan kepada para usahawan RISDA Perlis untuk mempromosikan produk-produk mereka di bawah satu pusat jualan.

Ditubuhkan untuk memajukan Usahawan Bimbingan RISDA dan juga pemasaran hasil-hasil daripada usahawan pekebun kecil, sebuah rumah kedai 2 tingkat telah disewa di kawasan komersil dan amat sesuai untuk digunakan sebagai satu pusat pemasaran atau premis perniagaan yang dinamakan sebagai RISDA Smallholders Mart atau singkatannya ialah RISSmart. Projek ini dikenal pasti berpotensi untuk memberi kemudahan kepada masyarakat sekitar untuk mendapatkan produk-produk keluaran usahawan-usahawan bimbingan RISDA.

RISSmart Negeri Perlis diketuai oleh dua orang usahawan tunjang dan lapan orang usahawan payung. Antara produk Usahawan RISSmart yang dipasarkan adalah seperti makanan ringan, makanan sejuk beku dan produk kesihatan dan kecantikan (kedai spa). Selain daripada itu, perkhidmatan butik pengantin juga ditawarkan di RISSmart Perlis. Jangkaan impak penubuhan RISSmart ini adalah untuk membantu meningkatkan pendapatan pekebun kecil kepada RM 5,000.00 sebulan sekeluarga



Meskipun baru ditubuhkan, RISSmart Negeri Perlis telah menyertai pelbagai aktiviti pameran dan jualan di sekitar Negeri Perlis antaranya Hari Peladang Negeri Perlis dan juga menyertai Karnival Usahawan Desa (KUD) 2017 yang telah diadakan di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC), Kuala Lumpur. RISSmart Negeri Perlis juga bertuah kerana telah menerima kunjungan hormat dari Timbalan di Kementerian Kemajuan Luar Bandar (KKLW) selain dari menerima kunjungan dan lawatan dari usahawan-usahawan dari agensi lain.

Diharapkan dengan tertubuhnya RISSmart di Padang Besar, maka lebih ramai lagi para pekebun kecil untuk menceburi bidang keusahawanan di mana mereka dapat menjana pendapatan tambahan isi rumah terutamanya apabila pola harga komoditi getah adalah tidak menentu.





RISSMART PULAU PINANG

NAMA USAHAWAN : MOHD FADHIL BIN IBRAHIM
NAMA & ALAMAT SYARIKAT : DFN JITU ENTERPRISE
 LOT 1625, MARA ENTERPRENEUR PARK
 MK 8, PONGSU SERIBU,
 13200 KEPALA BATAS
 PULAU PINANG

NO. TEL/FAKS : 012- 780 9978
PENERIMA BANTUAN : 1. PENERIMA BANTUAN AKTIVITI EKONOMI
 TAMBAHAN RISDA TAHUN 2014
 2. PENERIMA BANTUAN RISSMART MOBILE
 TAHUN 2017

BIDANG PERUSAHAAN : MAKANAN SEJUKBEKU
PRODUK : DAFANI DURIAN CREPE
TAHUN MULA PROJEK : 2009
BILANGAN PEKERJA : 8 ORANG
PENDAPATAN TAHUNAN : RM 336,000.00

PENDAPATAN BULANAN : RM 28,000.00



RISSMART MOBILE PAHANG



NAMA USAHAWAN : MOHAMAD SHAFIQ BIN ZAKARIA
NAMA & ALAMAT SYARIKAT : TOK GAJAH ENTERPRENUER
 U77B, KG JAYA GADING, 26070 KUANTAN
 PAHANG DARUL MAKMUR

NO. TEL/FAKS : 017- 537 6440
PENERIMA BANTUAN : 1. PENERIMA BANTUAN AKTIVIT
 EKONOMI TAMBAHAN RISDA TAHUN 2015
 2. PENERIMA BANTUAN RISSMART
 MOBILE TAHUN 2017

BIDANG PERUSAHAAN : MAKANAN
PRODUK : AISKRIM
TAHUN MULA PROJEK : 2015
BILANGAN PEKERJA : 3 ORANG
PENDAPATAN TAHUNAN : RM 40,000.00
PENDAPATAN BULANAN : RM 6,500.00

RISSMART MOBILE PERLIS

NAMA USAHAWAN : FARIZAN BIN OTHMAN
NAMA & ALAMAT SYARIKAT : JAN SOYA ENTERPRISE
 598 POKOK TAMPANG
 13300 TASEK GELUGOR
 PULAU PINANG

NO. TEL/FAKS : 018-406 4778
PENERIMA BANTUAN : PENERIMA BANTUAN
 RISSMART MOBILE
 TAHUN 2017

BIDANG PERUSAHAAN : MAKANAN
PRODUK : MEMPROSES SOYA
TAHUN MULA PROJEK : 2002
BILANGAN PEKERJA : 2 ORANG
PENDAPATAN TAHUNAN : RM 42,000.00
PENDAPATAN BULANAN : RM 3,500.00



RISSMART MOBILE SELANGOR

NAMA USAHAWAN : RASLINDA BINTI CHE DOL
NAMA & ALAMAT SYARIKAT : COMEL FOOD SDN BHD
 NO.22, JALAN 4/1B,
 SEKSYEN 4,
 43650 BANDAR BARU BANGI
 SELANGOR DARUL EHSAN

NO. TEL/FAKS : 017-378 3751
PENERIMA BANTUAN : PENERIMA BANTUAN
 RISDA RISSMART MOBILE TAHUN 2017

BIDANG PERUSAHAAN : MAKANAN SEJUKBEKU
PRODUK : PAU
TAHUN MULA PROJEK : 2007
BILANGAN PEKERJA : 3 ORANG
PENDAPATAN TAHUNAN : RM 267, 211.00

PENDAPATAN BULANAN : RM 22, 000.00



RISSMART MOBILE PERLIS

NAMA USAHAWAN : INTAN RASHIDAH BT ABD RAHIM
NAMA & ALAMAT SYARIKAT : ???
 NO. 2302 KG. CHELONG
 02500 PADANG BESAR
 PERLIS

NO. TEL/FAKS : 012-5998592
PENERIMA BANTUAN : PENERIMA BANTUAN
 RISSMART MOBILE
 TAHUN 2017

BIDANG PERUSAHAAN : MAKANAN
PRODUK : ROJAK, MAKANAN RINGAN,
 MINUMAN, SOSEJ, KUIH MUIH

TAHUN MULA PROJEK : ???
BILANGAN PEKERJA : ? ORANG
PENDAPATAN TAHUNAN : RM ???
PENDAPATAN BULANAN : RM 4,000.00





RISSMART PULAU PINANG

DISEDIAKAN OLEH: NOR ELINA BT DATUK KAMARUDDIN,
BAHAGIAN PEMBANGUNAN USAHAWAN



Pejabat RISDA Negeri Pulau Pinang dengan kerjasama usahawan RISDA Pulau Pinang telah menubuhkan RisSmart di dalam premis TESCO Bukit Mertajam yang bertujuan untuk menyediakan kemudahan premis perniagaan kepada usahawan RISDA Pulau Pinang untuk mempromosikan produk mereka secara berkelompok. Penubuhan RisSmart ini juga bertujuan untuk meningkatkan lagi jaringan pasaran dan kerjasama antara usahawan RISDA kerana konsep yang diketengahkan ialah melantik usahawan tunjung untuk mengelolakan operasi dan usahawan payung yang akan bertindak sebagai pembekal produk yang hendak dipasarkan.

Menggabungkan produk tekstil seperti bantal, tilam dan selimut dengan produk-produk makanan kering dan sejuk beku seperti roti kering, biskut, kek cawan, muffin, roti canai sejuk beku, kripap sejuk beku, kuih Loyang, minuman sarbat, minuman herba, kopi biji kurma, madu lebah, putu kacang dan putu beras, jeruk rebung dan mini pizza.

Pemilihan lokasi premis RisSmart mengambil kira kedudukan TESCO Bukit Mertajam yang berada di kawasan pusat bandar Daerah Seberang Perai Tengah yang menghubungkan antara pusat bandar utama dengan bandar kecil sekitar. Bagi tujuan pemantauan, lokasi Pejabat RISDA Negeri Pulau Pinang dengan RisSmart hanyalah 30 kilometer. Kedudukan lot kedai yang disewa dalam TESCO Bukit Mertajam amat menarik iaitu lot hujung yang bersebelahan dengan laluan pengunjung yang mempunyai dinding kaca di bahagian tepi premis sememangnya menarik sebagai ruang promosi produk usahawan. Ini antara faktor penyumbang kepada promosi percuma yang boleh menaikkan jualan produk.



RISSMART BORONG SIMPANG RENGAM, JOHOR

DISEDIAKAN OLEH: SAIFUL ASYRAFFI BIN SUHAIMI DAN NOR ELINA BT
DATUK KAMARUDDIN, BAHAGIAN PEMBANGUNAN USAHAWAN



Pengurusan RISDA Negeri Johor dengan kerjasama Pejabat RISDA Daerah Kluang telah bersepakat untuk menggunakan bangunan Pejabat RISDA Stesen Simpang Renggam (aras atas) dan RisSmart (aras bawah) yang beralamat di No 25B, Jalan Setia 2, Taman Setia, Simpang Renggam untuk dijadikan sebagai pusat operasi dan jualan secara borong untuk produk-produk usahawan RISDA

Tujuan penubuhan RisSmart Borong Simpang Renggam di lokasi ini adalah sebagai salah satu daya tarikan masyarakat kepada produk yang diusahakan oleh usahawan RISDA khususnya daripada Daerah Kluang dan lokasi yang terletak di laluan utama antara jalan Simpang Renggam - Ayer Hitam - Kluang memungkinkan kunjungan pelanggan luar daripada daerah. Selain itu, kedudukan Simpang Renggam yang terletak di tengah-tengah laluan antara Johor Bahru - Kuala Lumpur dan berdekatan dengan tol Simpang Renggam memudahkan urusan pengangkutan, lawatan usahawan dan lain-lain aktiviti promosi lain.

Sama juga dengan pengoperasian RisSmart di negeri lain, usahawan tunjang dilantik untuk menyelaras tugas pengoperasian/pentadbiran RisSmart dan 7 orang usahawan payung dikenalpasti untuk membantu menyediakan produk usahawan RISDA. Antara produk yang dijual ialah kerepek dan makanan ringan, mee siput, mee kering, cincau, roti dan kek, makanan sejuk beku, pizza, tempe dan kuih muih tradisional.

Adalah diharapkan agar RisSmart Borong Simpang Renggam akan terus beroperasi dan lebih ramai lagi pekebun kecil menceburi bidang keusahawanan di mana mereka dapat menjana pendapatan tambahan isi rumah terutamanya apabila harga komoditi getah adalah tidak menentu.



RISSMART NEGERI PERAK; TERMINAL PRODUK USAHAWAN BIMBINGAN RISDA NEGERI PERAK



DISEDIAKAN OLEH: NURULSYUHADA BINTI AHMAD, BAHAGIAN PEMBANGUNAN USAHAWAN

Berdasarkan kajian yang dibuat di kawasan sekitar menunjukkan jumlah pengunjung pada hari bekerja adalah seramai 6,000 orang dan melalui pergerakan keluar masuk bas adalah sebanyak 300 buah bas sehari. Terminal Amanjaya yang terletak di Meru Raya divisualkan sebagai tempat yang paling strategik oleh Pengurusan RISDA Negeri Perak untuk menubuhkan RisSMart Negeri Perak. Bersesuaian dengan lokasi, RisSMart Perak yang mensasarkan pelanggan terdiri daripada penumpang pengangkutan awam dan juga pelancong yang transit di Terminal Amanjaya.

Berdasarkan kajian yang dibuat di kawasan sekitar menunjukkan jumlah pengunjung pada hari bekerja adalah seramai 6,000 orang dan melalui pergerakan keluar masuk bas adalah sebanyak 300 buah bas sehari. Terminal Amanjaya yang terletak di Meru Raya divisualkan sebagai tempat yang paling strategik

oleh Pengurusan RISDA Negeri Perak untuk menubuhkan RisSMart Negeri Perak. Bersesuaian dengan lokasi, RisSMart Perak yang mensasarkan pelanggan terdiri daripada penumpang pengangkutan awam dan juga pelancong yang transit di Terminal Amanjaya.



Ditubuhkan pada tarikh 01 Ogos 2017, RisSMart Negeri Perak telah dirasmikan oleh YB Dato' Hj. Samsudin bin Abu Hassan, Pengerusi JK Pembangunan Usahawan dan Koperasi, Hal Ehwal Pengguna, NGO dan Masyarakat Sivil, Negeri Perak. RisSMart ini menempatkan seramai 18 orang Usahawan Bimbingan RISDA yang mempertaruhkan produk mereka daripada pelbagai kategori dan produk. RisSMart Negeri Perak telah diuruskan oleh Usahawan Tunjang selaku Pengurus RisSMart yang dilantik oleh pihak RISDA iaitu En. Mohd. Raffli bin Md. Nor yang juga merupakan Pengerusi Kelab Usahawan RISDA (RISEC) Negeri Perak.

Memandangkan tiada jualan produk usahawan Melayu di lokasi berhampiran, kewujudan RisSMart Negeri Perak merupakan satu kelebihan kepada penduduk

tempatan mahupun pelancong luar menikmati serta membeli produk usahawan Bumiputera. Berkonsepkan kiosk yang menjual produk seperti makanan ringan dan minuman segera serta kraftangan, penubuhan RisSMart Negeri Perak dijangka akan menarik lebih ramai pelanggan dan sekaligus mengangkat produk keluaran Usahawan Bimbingan RISDA khususnya usahawan daripada Negeri Perak sendiri ke peringkat global.

RisSMart Negeri Perak beroperasi setiap hari dari jam 10.00 pagi sehingga 10.00 malam, mereka menawarkan produk dengan harga yang murah serta mampu milik dan boleh dibeli oleh semua golongan masyarakat. Dengan pembungkusan yang menarik serta mudah dibawa ke mana-mana, produk Usahawan Bimbingan RISDA sesuai juga dijadikan sebagai cenderahati kepada yang tersayang

RISSMART UBC JOHOR

DISEDIAKAN OLEH: SAIFUL ASYRAFFI BIN SUHAIMI DAN NOR ELINA BT DATUK KAMARUDDIN, BAHAGIAN PEMBANGUNAN USAHAWAN



Terletak di No.30, Jalan Padi Emas 1/7, UDA Business Center (UBC), Bandar Baru Uda, Johor Bahru, premis RisSMart ini lebih dikenali sebagai RisSMart UBC Johor. Antara kemudahan dan tarikan yang berada berdekatan dengan premis RisSMart tersebut ialah Pasaraya Angsana JB Mall, butik pakaian (Aidijuma, Bella Ammara, Butik SK dan JAKEL serta Ariani), Hannan Medispa dan kedai makanan segera, Domino's, menjadikan ia tumpuan utama masyarakat dan penduduk Johor serta pengunjung dan pelancong luar. Tiada persaingan untuk produk makanan ringan di sekitar kawasan tersebut dan cuma ada sebuah salon yang berdekatan tetapi menawarkan harga yang agak mahal adalah salah satu faktor pemilihan lokasi premis RisSMart. Dengan jumlah populasi penduduk seramai 200,000 orang lebih di kawasan tersebut membuka peluang lebih besar untuk kuasa membeli pelanggan.

Dengan berkonsepkan One Stop Center, semua produk usahawan yang mendapat permintaan pelanggan dikumpulkan di satu premis yang mudah dikunjungi oleh orang ramai dan konsep utama yang diketengahkan di RisSMart UBC Johor ialah gabungan antara perkhidmatan salon dan kafe (Nego Cafe). Di samping menjual produk makanan ringan, RisSMart UBC Johor juga menawarkan perkhidmatan pembungkusan cenderahati produk usahawan kepada pelanggan yang berminat. Nyata sasaran utama ialah masyarakat dan pengunjung yang selalu datang membeli belah di kawasan UBC ini untuk mendapatkan perkhidmatan salon rambut dan produk IKS sambil menikmati makanan yang disediakan di Nego Café. Melalui RisSMart juga, pelanggan boleh datang dan melihat serta membeli produk IKS bila-bila masa kerana produk yang dipasarkan bukan bersifat seasonal.

Konsep RisSMart secara keseluruhan adalah bagus untuk usahawan muda kerana melalui usahawan-usahawan IKS ini dapat dikumpulkan di bawah satu bumbung bagi memudahkan perbincangan antara mereka serta kerjasama untuk memperbaiki kualiti produk masing-masing. Melalui usaha ini, Pengurusan RISDA yakin usahawan IKS yang terlibat akan dapat dibantu untuk meningkatkan lagi jumlah jualan produk dan seterusnya menambah pendapatan mereka.



RISSMART NEGERI TERENGGANU



Penubuhan RisSMart di Negeri Terengganu telah dipersetujui untuk diuruskan oleh Koperasi Pekebun Kecil Kuala Terengganu (KODATER) sebagai sebuah entiti yang berdaya saing, mempunyai modal pusingan yang baik dan mampu memastikan kelangsungan jangka panjang pengoperasian RisSMart Terengganu.

Ia juga dilihat sebagai usaha memajukan usahawan-usahawan kecil RISDA dan juga pusat pemasaran produk hasil usahawan Pekebun Kecil Negeri Terengganu. Sebuah lot kedai setingkat telah dikenalpasti di kawasan komersial dan amat sesuai untuk dijadikan sebagai outlet pemasaran atau premis perniagaan yang dinamakan RISDA Smallholders

Mart atau singkatannya RisSMart. Ianya berpotensi bagi kemudahan kepada pekebun kecil mendapatkan produk-produk keluaran usahawan Bimbingan RISDA.

Selain itu juga, penempatan premis perniagaan RisSMart di lokasi yang strategik, sesuai dengan kehendak dan keperluan semasa bagi



mempromosikan produk usahawan bimbingan RISDA. Seramai 10 orang Usahawan Bimbingan RISDA dari pelbagai kategori produk di RisSMart Negeri Terengganu ini.

Selain dapat memberi kemudahan tempat berniaga yang strategik dan selesa kepada usahawan bimbingan RISDA, penubuhan RisSMart di Negeri Terengganu ini juga dapat membantu mempromosikan lagi program bantuan

pembangunan usahawan di kalangan Pekebun Kecil.

Kesimpulannya, Penubuhan RisSMart Negeri Kuala Terengganu sangat besar impaknya kepada Usahawan di Negeri ini kerana ia dapat mendorong dan menggalakkan Pekebun Kecil untuk terus menceburi bidang keusahawanan bagi meningkatkan pendapatan isi rumah kepada RM 4,000.00 sebulan sekeluarga selaras dengan hasrat murni pengurusan RISDA.





Lensa Usahawan

Bahagian Pembangunan Usahawan

Tingkat 3, Bangunan RISDA KM 7,

Jalan Ampang, Karung Berkunci 11067, 50990 Kuala Lumpur

Tel : 03- 4256 4022 Faks: 03-4256 7944

Email: usahawan@risda.gov.my

www.risda.gov.my

ISSN 2462-1684



9 772462 168000